

# Keputusan Kim Sai hak peribadi

B.H. 21 MAI 1993

KUALA LUMPUR, Khamis — Keputusan Timbalan Presiden MCA, Datuk Lee Kim Sai untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang adalah haknya sendiri, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kepentingan umum adalah lebih penting daripada individu.

"Itu hak dia nak buat keputusan hendak bertanding atau tidak, sama seperti orang lain juga.

"Dalam apa juga perkara, kita dalam BN yang mengutamakan kepentingan negara akan me-

ngambil tindakan yang tidak menjejaskan kestabilan dalam negara.

"Kepentingan umum lebih penting daripada kepentingan individu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Peranan Hospital Swasta di Malaysia Pada Masa Kini dan Akan Datang, hari ini.

Beliau berkata demikian apabila diminta mengulas pengumuman Lim yang tidak lagi berhasrat bertanding dalam pilihan raya umum akan datang dan hanya berminat mempertahankan jawatan Timbalan Presiden MCA dalam pemilihan parti itu.